



## PERADUAN KFC

### TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

#### A. TERMA-TERMA ASAS

1.	<b>Penganjur</b>	Astro Radio Sdn Bhd
2.	<b>Stesen Radio</b>	ERA fm
3.	<b>Nama Peraduan</b>	PERADUAN KFC
4.	<b>Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan</b>	Sertai peraduan ini untuk berpeluang memenangi baucer KFC RM 200
5.	<b>Mekanisma ringkas Peraduan</b>	<p>a) Pendengar perlu jadi pemanggil terpantas selepas isyarat memanggil ke udara di talian 03 9543 3355</p> <p>b) Pendengar perlu menjawab Cendawan sekiranya penyampai radio menyebut nama makanan. Sekiranya Penyampai Radio menyebut nama minuman, pendengar perlu menjawab KEJU, tetapi sekiranya penyampai radio menyebut sesuatu selain daripada makanan atau minuman, pendengar perlu menjawab AYAM.</p> <p>c) Penyampai radio akan memberikan 4 soalan, dan setiap soalan yang di jawab dengan betul akan berpeluang memenangi hadiah baucer KFC bernilai RM 50.</p>
6.	<b>Kriteria Kelayakan</b>	Peraduan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 16 Januari 2017.
7.	<b>Ketidaklayakan</b>	<p>Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini :-</p> <p>a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Malaysia Holdings Berhad, anak syarikat dan syarikat bersekutunya, penaja-penaja, ejen-ejen, peniaga, pedagang atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Peraduan dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik beradik orang-orang tersebut;</p> <p>b) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1000 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (30) hari sebelum Peraduan ini;</p> <p>c) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1001 - RM 5000 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (90) hari sebelum Peraduan ini;</p> <p>d) telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 5001 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh (365) hari sebelum Peraduan ini.</p>
8.	<b>Umur Kelayakan</b>	Peraduan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 16 Januari 2017.
9.	<b>Caj</b>	Tidak dikenakan.
10.	<b>Tempoh Peraduan</b>	16 Januari 2017 hingga 27 Januari 2017.
11.	<b>Bahasa Peraduan</b>	Bahasa Malaysia.

12.	<b>Prosedur Penyertaan</b>	Jadi pemanggil terpantas dan berikan jawapan dengan betul untuk berpeluang membawa pulang baucer KFC bernilai RM 200.
13.	<b>Tarikh Tutup Penyertaan</b>	27 Januari 2017 (11.59pm)
14.	<b>Cara Penghantaran</b>	Melalui panggilan telefon
15.	<b>Alamat</b>	Astro Radio Sdn Bhd, All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
16.	<b>Pemilihan Pemenang</b>	Pemenang Peraduan akan dipilih oleh berdasarkan jawapan yang betul
17.	<b>Hadiah</b>	Pemenang akan berpeluang untuk memenangi Bucer KFC bernilai RM 200  Peserta perlulah menanggung secara sepenuhnya apa-apa kos untuk menyertai peraduan ini dan pihak Penganjur tidak mempunyai apa-apa tanggungjawab untuk membayar apa-apa gantirugi kepada Peserta akibat dari penyertaan Peserta di dalam peraduan ini.
18.	<b>Pemberitahuan Pemenang Peraduan</b>	Selepas peraduan berakhir
19.	<b>Tempoh Pengambilan Hadiah</b>	Seperti diumumkan oleh Pihak Penganjur.
20.	<b>Tempat Pengambilan Hadiah</b>	Seperti diumumkan oleh Pihak Penganjur.
21.	<b>Terma-terma tambahan, jika ada</b>	Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan nyawa atau kerosakkan harta benda yang dialami sepanjang perjalanan pergi-balik pemenang.  Pihak Penganjur berhak untuk mencetak atau mempamerkan maklumat dan gambar pemenang untuk sebarang tujuan pengiklanan promosi atau mengumumkan nama pemenang dalam media cetak atau elektronik.  Peserta dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat peribadi beliau yang dinyatakan di dalam borang peraduan adalah benar dan lengkap. Peserta dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada Penganjur untuk memproses apa-apa maklumat peribadi beliau dan menyerahkan hak yang sama kepada mana-mana rakan kongsi perniagaan berkaitan yang sedia ada atau yang akan datang atau perikatan strategik dan / atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Penganjur mengikut budi bicara mutlak yang disifatkannya perlu atau suai manfaat untuk tujuan pemasaran dan promosi produk dan perkhidmatan. Peserta dengan ini juga mengesahkan bahawa peserta telah membaca, memahami dan bersetuju dengan terma-terma Notis Privasi Astro Radio Sdn Bhd and bersetuju bahawa data peribadi peserta diproses seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi.  Sebarang perbualan dan komunikasi di antara Penganjur dan Pemenang adalah sulit. Kegagalan berbuat demikian boleh menjejaskan kemenangan si Pemenang di mana hadiah akan tarik balik dan Pemenang haruslah membayar gantirugi tiket penerbangan.

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan** akan mengikat kesemua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan secara tanpa syarat oleh para Peserta.